

[Home](#) / [2026](#) / [June](#) / Lestarikan Alam, UiTM Pahang dan Industri Hijau Pulihara Hutan Paya Bakau

## SDG

03/06/2026 / DR FARAH AYUNI FARINORDIN



**CHERATING, 9 Mei 2026** – Seramai 63 pelajar dan 6 pensyarah dari Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang, Kampus Jengka telah bergandeng bahu menjayakan program penanaman dan pemuliharaan ekosistem bakau di kawasan hutan paya bakau Cherating, baru-baru ini. Inisiatif hijau berimpak tinggi ini dianjurkan secara bersama oleh Program Ijazah Sarjana Muda Biologi (Kepujian) dan Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Biodiversiti (Kepujian), dengan kerjasama strategik pihak Hafiz’s Educational Eco Tourists Activities.

Menerusi program di luar dewan kuliah ini, warga kampus UiTM Pahang telah berjaya menanam sebanyak 300 anak pokok bakau sebagai sumbangan konkrit kepada pemulihan alam sekitar. Aktiviti ini dimulakan dengan sesi perkongsian ilmu oleh Encik Mohd Hafiz bin Abdul Majid, aktivis konservasi alam semula jadi berpengalaman dari Hafiz’s Educational Eco Tourists Activities. Beliau

memperincikan peranan kritikal hutan bakau sebagai benteng semula jadi daripada hakisan pantai, kawasan pembiakan hidupan akuatik, serta agen penyerap karbon global dalam menangani isu perubahan iklim.

Program ini memberikan pendedahan luar kuliah yang berharga kepada para pelajar bagi memahami aspek ekologi secara praktikal berbanding pembelajaran teori semata-mata. Selain berpeluang menaiki bot menyusuri laluan hutan paya bakau untuk mengkaji kepelbagaian flora dan fauna, para pelajar turut mempelajari kaedah penanaman yang betul bagi spesies bakau utama seperti *Rhizophora* dan *Avicennia*. Usaha ini secara langsung menyemai rasa tanggungjawab dalam kalangan bakal saintis muda dan pengurus biodiversiti negara terhadap kelestarian alam.



Di samping impak kepada pelajar, penglibatan barisan pensyarah dalam aktiviti lapangan ini membuka ruang kolaborasi strategik antara institusi pengajian tinggi dan pengamal industri. Kerjasama erat bersama Hafiz's Educational Eco Tourists Activities ini bakal memperkukuh pembangunan kurikulum berasaskan keperluan industri sebenar, pelaksanaan kajian lapangan bersama, serta membuka peluang penyelidikangunaan pada masa hadapan.

Penganjuran program pemuliharaan ini juga menterjemahkan sokongan padu UiTM terhadap agenda global berasaskan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Inisiatif ini merangkumi empat sasaran utama iaitu SDG 14 (Kehidupan Bawah Air) menerusi pemuliharaan habitat marin, SDG 15

(Kehidupan di Daratan) menerusi pengurusan ekosistem secara lestari, SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) melalui pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*), serta SDG 17 (Kerjasama Demi Matlamat) menerusi jaringan aktif antara universiti dan industri.

Komitmen berterusan UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka dalam memupuk kesedaran alam sekitar ini membuktikan peranan institusi menara gading bukan sekadar sebagai pusat kecemerlangan akademik, malah bertindak sebagai agen perubahan yang bertanggungjawab dalam memelihara bumi demi generasi akan datang.



Tags: [Fakulti Sains Gunaan \(FSG\)](#), [Hafiz's Educational Eco Tourists Activities](#), [UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

- 36 Mahasiswa UiTM Sarawak Gading
- Bahu Bersama Komuniti Bersihkan Pantai Judan

## QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)  
[Academic Calendar](#)  
[Intake Calendar](#)  
[Graduate Quick Search](#)  
[Library](#)  
[UiTM Holdings](#)  
[WiFi UiTM](#)  
[E-Complaint](#)

## HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor  
Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +603-5544 2051 / 2000



